

Praktis Berformat SPM 1

Dalam petikan di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

- (I) Dewasa ini semakin ramai remaja yang terlibat dalam gejala penyalahgunaan dadah sehingga kebimbangan banyak pihak.

- (II) Penggemukan ialah satu penyakit keronik yang sedang menular dalam kalangan masyarakat dunia.

- (III) Gejala sosial subur apabila tiada keseimbangan asas dalam pengelola dan mendidik anak antara dunia dengan keagamaan.

[6 markah]

Praktis Berformat SPM 2

Dalam petikan di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

- (I) Perumahan terbengkalai mendatangkan risiko kesehatan seperti pembiakan nyamuk aedes yang menyebabkan demam denggi.

- (II) Kejadian tanah runtuh merupakan salah satu daripada proses tersusut darat yang disebabkan oleh ketaksetabilan jisim tanah.

- (III) Penggunaan pembekalan air yang tidak bersih memudahkan seseorang itu terutama kanak-kanak terdedah pada jangkitan penyakit seperti taun.

[6 markah]

Praktis Berformat SPM 3

Dalam petikan di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

- (I) Anak-anak yang masih kecil memerlukan seorang pengasoh yang bukan sahaja bijak tetapi juga bersabar.

- (II) Perkembangan akhlak yang positif menyebabkan kanak-kanak selalu berusaha untuk menyelaraskan antara kehendak dirinya dengan kehendak orang lain.

- (III) Para pelajar di sekolah hendaklah dilatih supaya merendah diri dan menghormati orang yang bergaul dengan mereka.

[6 markah]